



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

TAHUN KEMENANGAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Raheem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhbirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Hari ini adalah hari pertama dalam bulan Muharram. Semoga ia diberkati¹, insya Allah. Semoga Allah SWT menjadikan Tahun Baru Hijrah ini diberkati untuk dunia Islam. Insya Allah, semoga tahun ini menjadi tahun kemenangan bagi Islam. Kita sangat mengharapkannya kerana semakin sukar sesuatu keadaan itu, semakin hampir kemenangan itu dengan izin Allah.

Apabila manusia hilang harapan dengan kesukaran yang tidak berkesudahan ini, apabila manusia menghadapi situasi yang sukar, Allah datang memberikan pertolongan. Allah Azza wa Jalla sesungguhnya bersama orang Mukmin, iaitu mereka yang beriman kepadaNya. Oleh itu, kita tidak pernah berputus asa.

Putus asa bererti tidak beriman. Kamu harus beriman kepada Allah SWT dan tidak berputus asa dengan Allah. Kamu harus meminta pertolongan daripada Allah dalam setiap peluang, dan kamu perlu memohon bantuan daripada Allah supaya Dia dapat membantu kita, insya Allah. Allah Maha Berkuasa atas segala-galanya. Perkara yang dikurniakanNya kepada kita adalah nikmat² yang terbaik. Kebanyakan daripada kita tidak tahu nilai bagi sesuatu nikmat itu, tapi Allah itu masih Arhamur Rahimin dan Dia mengampuni kita. "Janganlah kamu berputus asa dari rahmatKu," firman Allah Azza wa Jalla.

Oleh itu, kita mengucapkan insya Allah, mungkin tahun ini akan menjadi tahun kemenangan bagi Islam. 1438 tahun telah berlalu sejak Nabi SAW kita bangkit dan berhijrah dari Mekah ke Madinah. Peristiwa ini merupakan pengajaran besar untuk kita. Apabila, "Tiada apa lagi yang boleh berlaku. Kita boleh menamatkan baginda seorang," dikatakan, Nabi SAW kita berkata kepada Hazrat Abu Bakar (RA) ketika keadaan sangat sukar:



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani



لَا تَحْزَنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

“La tahzan, innallaha ma’ana.” (Surah At-Taubah:40) “Janganlah bersedih hati; kita tidak keseorangan, sesungguhnya Allah bersama kita.” Ini merupakan pengajaran besar untuk dunia Islam. Ia merupakan kata-kata yang indah. Tiada siapa yang akan berasa sedih bagi mereka yang percaya akan kebenaran kata-kata ini, dan tiada apa yang akan mengganggu mereka. Allah itu hebat, Allah bersama kita, dan cukuplah hanya Allah untuk kita.

1. Mubarak 2. Nikmat 3. Qahr

Semoga tahun-tahun ini menjadi baik. Semoga akan ada kebaikan dan rahmat dalam dunia Islam. Semoga Allah memperbaiki orang yang melayan Islam sebagai musuh, dan semoga Allah menundukkan dengan kesengsaraan kepada mereka yang tidak boleh diselamatkan lagi. Semoga mereka tidak memudaratkan Islam dan orang Islam, insya Allah. Semoga pada tahun ini akan jadi baik dan penuh keberkatan, insya Allah. Semoga iman kita terus bertambah, dan semoga kita tidak pernah memerlukan sesiapa, insya Allah.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatihah.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
2. Oktober 2016/1 Muharram 1438
Sabah Namaz, Akbaba Dargah